

# 'Usah pertikai Harimau Muda A beraksi di Universiade'

**Kuala Lumpur:** Pemilihan skuad Harimau Muda A untuk mewakili Malaysia dalam acara bola sepak Sukan Universiti Dunia (Universiade) 2013 di Kazan, Russia dari 6 hingga 17 Julai depan tidak harus dipertikaikan kerana semua pemain akan didaftarkan sebagai pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Jurulatih Harimau Muda A, Ong Kim Swee mengakui mungkin sesetengah pihak tidak berpuas hati dengan penyertaan Harimau Muda pada temasya itu, namun ia perlu dilihat daripada sudut positif supaya pencapaian Malaysia yang menduduki tem-

pat ke-12 pada Universiade 2011 di Shenzhen, China dapat diperbaiki dengan menampilkan skuad lebih mantap kali ini.

"Saya rasa tak perlu jadi isu kerana pihak KPT (Kementerian Pengajian Tinggi) sendiri yang cadangkan supaya dihantar skuad Harimau Muda A ke Kazan. Bukan tentu kita masuk boleh jadi juara terus, tetapi semua ini untuk Malaysia.

## Jadual anjal

"Saya tahu ada pihak tertentu yang kecewa, tetapi kita perlulah berkorban sedikit. Harap pihak terbabit faham dan lagipun kami

akan ke Kazan terus dari kem pusat kami di Slovakia dan ia dirasakan lebih sesuai untuk kami menyertai Universiade sebagai salah satu persiapan menghadapi Sukan SEA 2013," kata Kim Swee ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Sukan (Seksyen Pembangunan) KPT, Dr Ahmad Naim Ismail yang mengadakan perbincangan dengan Kim Swee di Wisma FAM, Kelana Jaya, semalam menjelaskan langkah itu bukanlah perkara baru dalam sukan.

"Sama seperti atlet negara lain

yang belajar di UPM (Universiti Putra Malaysia) dan atlet renang di UM (Universiti Malaya), pemain Harimau Muda A akan didaftarkan untuk program khas di UiTM manakala bagi yang bukan Bumiputera didaftarkan di MSU (Universiti Sains dan Pengurusan).

"KPT dan UiTM akan menyediakan satu program yang jadual waktu pembelajarannya anjal kerana kita tahu ada masanya mereka akan berlatih dan menyertai kejohanan di luar negara. Program ini dibuat untuk jangka panjang bagi memastikan masa depan pemain skuad Harimau Muda A terjamin," katanya.